UMNO Permatang

UM - 3 DEC 1999

Pauh buat rombakan

BUKIT MERTAJAM 2 Dis. – UMNO Bahagian Permatang Pauh membuat beberapa rombakan termasuk mengambil langkah drastik menggugurkan setiausaha dan bendaharinya berkuat kuasa hari ini.

Mereka yang digugurkan ialah Yahaya Jamaluddin (Setiausaha) dan Radzi Zainal Abidin (bendahari).

Keputusan tersebut diambil untuk memantapkan kembali UMNO bahagian itu selepas kekalahan tiga calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum Isnin lalu.

Mereka ialah Datuk Dr. Ibrahim Saad di Parlimen Permatang Pauh, Datuk Ahmad Saad di Dewan Undangan Negeri Permatang Pasir dan Zulkefli Bakar bagi Dewan Undangan Negeri Penanti.

Ibrahim tewas kepada Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr. Wan Azizah Ismail; Ahmad dikalahkan calon Pas, Mohd. Hamdan Abdul Rahman manakala Zulkefli kalah di tangan Abdul Rahman Abdul Kadir (Keadilan).

Dilantik

Ahmad selaku Pemangku Ketua UMNO Bahagian Permatang Pauh memberitahu, berikutan itu, ketua penerangan, Salehuddin Abdul Hamid dilantik sebagai Setiausaha bahagian yang baru.

"Tempat Salehuddin sebagai ketua penerangan diambil oleh Datuk Adnan Ramli yang suatu ketika dahulu pernah memegang jawatan berkenaan manakala Ariff Shah Omar Shah dilantik sebagai bendahari," kata beliau ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau menambah, laporan lengkap mengenai rombakan jawatankuasa bahagian itu akan dikemukakan kepada Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Mengenai kalangan Wanita UMNO yang dikatakan membantu parti pembangkang, Ahmad menjelaskan, perkara teisebut diserahkan kepada jawatankuasa Pergerakan Wanita UMNO bahagian berkenaan untuk menyenaraikan nama ahli-ahli terbabit.

Ahmad memberitahu, beliau menyokong kenyataan Dr. Ibrahim selaku Pengarah Jentera Pilihan Raya Permatang Pauh bahawa tindakan perlu diambil terhadap ahli-ahlinya yang membantu parti pembangkang.

Penyingkiran

Utusan hari ini melaporkan, Ibrahim meminta ahli-ahli jawatankuasa UMNO Bahagian Permatang Pauh yang menyokong Keadilan supaya keluar daripada UMNO sebelum tindakan penyingkiran ke atas mereka diambil.

Menurut Ahmad, pihaknya turut mengenal pasti beberapa ahli UMNO bahagian itu yang membantu pembangkang dari dalam dan laporan lengkap mengenainya juga akan dikemukakan kepada Dr. Mahathir dan Abdullah.